



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	1/5/2021	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	SEKTOR TENAGA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Ladang solar boleh dibina atas tanah pertanian



HEE (dua dari kanan) ketika melawat tapak projek LLS, semalam.

Kuala Langat: Tanah berstatus pertanian di Selangor boleh dijadikan sebagai tapak untuk membangunkan projek Ladang Solar Berskala Besar (LSS).

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri Hee Loy Sian berkata, antara ketetapan yang digariskan untuk membangunkan projek LSS sebelum ini adalah ia harus dibangunkan di atas tanah berstatus industri.

“Sebelum ini (pengusaha) ada masalah status tanah, tapi sekarang kami memudahkan mereka iaitu status tanah pertanian boleh dibuat ladang solar. Se-



Sekarang kami memudahkan mereka iaitu status tanah pertanian boleh dibuat ladang solar”

Hee

belum ini kami tetapkan tanah industri. tetapi sekarang tidak perlu,” katanya selepas meninjau projek LLS, semalam.

• Hee berkata mana-mana pengusaha berminat membangunkan ladang solar boleh meneliti Garis Panduan Perancangan Ladang Solar

Negeri Selangor diluluskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 16 Disember 2020.

Jelasnya lagi setakat ini, di Selangor dua projek LLS dibangunkan di atas darat berkeluasan 98.34 hektar pada 2018 dan 21.45 hektar ladang solar terapung di Kuala Langat tahun lalu.

“Dalam perancangan akan datang, ada dua lagi syarikat (tempatan) buat permohonan ladang solar atas tanah di Klang dan satu lagi ladang solar terapung di Hulu Selangor. Kami (kerajaan negeri) bagi kelulusan mereka buat bidaan di bawah Suruhanjaya Tenaga,” katanya.